

# Islam penting untuk bentuk peribadi mulia

BM - 2 SEP 1990

**KLANG:** Datuk **Seri Dr Mahathir Mohamad** menegaskan **pentingnya tumpuan diberikan kepada pendidikan Islam di sekolah-sekolah** untuk membentuk peribadi mulia di kalangan rakyat.

**Perdana Menteri** berkata, kerajaan **membelanjakan wang yang banyak** untuk bidang pendidikan **kerana ia** adalah pelaburan negara dengan keyakinan mendapat pulangan lebih baik dalam bentuk **generasi** berilmu.

Katanya, kerajaan terpaksa menekankan **pembentukan peribadi mulia iaitu** melalui pendidikan **agama** kepada pelajar **Islam** dan moral untuk **murid** bukan Islam kerana berilmu saja tidak **memberi makna tanpa** akhlak.

"Oleh itu, guru-guru perlu tahu **apa yang diajar** kepada **murid** mereka. Sesuatu perkara yang **mungkin dianggap** buruk boleh menjadi baik **jika** niat **dan pendekatannya** baik.

"Sebaliknya, apabila sesuatu yang baik itu **digunakan** untuk niat dan pendekatan **buruk, termasuk agama sendiri, ia** memberi kesan buruk kepada **masyarakat**," katanya ketika **merasmikan** Sekolah Kebangsaan **Sungai Udang** ~~di~~ **sini**, aemalam.

**Menurut Perdana Menteri**, itulah antara sebab **kegiatan yang diajar** kepada **murid** sekarang bertujuan memberikan **disiplin** dan menyemaikan **nilai mulia** kepada **mereka**.